

K'jaan komited pacu pembangunan industri pertanian, kata Musa

OLEH ROZZALIN
HASHIM
rozzalin@newsabah-times.com.my

SANDAKAN: Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Haji Aman, berkata pihak kerajaan negeri sentiasa komited untuk memacu pembangunan industri pertanian yang mana pelancaran Koridor Pembangunan Sabah (SDC) pada tahun 2008 merupakan salah satu usaha ke arah membangunkan industri pertanian dengan lebih sistematis dan tersusun.

Menurut beliau, pada tahun 2011 sehingga 2015 perancangan SDC telah memasuki fasa kedua pembangunannya dan dalam fasa ini pembangunan adalah tertumpu kepada pembangunan modal insan, pelancongan serta penambahan aktiviti perniagaan tani.

Beliau berkata, ia termasuklah dalam industri ternakan, holtikultur, akuakultur dan perikanan serta industri makanan asas tani di mana pelbagai program di bawah SDC kini telah, sedang dar akan dilaksanakan bagi memperkasakan bidang pertanian khususnya di negeri ini.

“Saya ingin menyarankan agar penyelidikan berkenaan



MoU ... Musa (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Dr Harun (kiri) dan Dr Kelvin.

industri pertanian dapat diterjemahkan kepada projek komuniti yang boleh memberi manfaat dan pertambahan ilmu kepada para petani, pemternak mahu pun pengusaha tani.

“Kepakarannya di peringkat universiti hendaklah dikongsi bersama pihak agensi kerajaan dan pihak industri supaya pembangunan industri pertanian negeri Sabah menjadi lebih menyeluruh, teratur dan sistematis,” katanya.

Musa berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Tani dan Pelancaran Kelab My Agrosis di Sekolah

Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Batu 10, Jalan Sungai Batang, dekat sini, pagi kelmarin.

Serentak itu, Ketua Menteri mengucapkan tahniah atas inisiatif menganjurkan Karnival Tani dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi mengetengahkan kepentingan sektor pertanian masa kini.

Sebagai Ketua Menteri dan wakil rakyat di kawasan berkenaan, beliau amat mengalau-alukan program sedemikian yang jelas membuktikan

bahawa UMS sentiasa mengutamakan pembangunan modal insan dengan menumpukan kepada penyebaran ilmu pengetahuan dan merapatkan institusi dengan masyarakat setempat.

Tambahnya, Karnival Tani yang dianjurkan sesungguhnya tepat pada masanya bagi menanam minat perniagaan dalam bidang pertanian dalam kalangan para siswazah seterusnya melahirkan usahawan tani yang profesional dan berpendidikan.

Dalam pada itu, katanya lagi, penglibatan dan pelaburan syarikat-syarikat swasta

dalam industri pertanian adalah digalakkan oleh pihak kerajaan negeri memandangkan pembangunan ekonomi yang mapan tidak hanya bergantung kepada perbelanjaan kerajaan tetapi juga melalui pelaburan-pelaburan syarikat swasta.

Terdahulu, Naib Canselor UMS iaitu Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah memberitahu sejak penubuhan UMS ia sentiasa konsisten dengan misinya yang bertekad untuk mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu demi menghasilkan pelajar yang produktif dan berkualiti tinggi.

Di kampus itu, katanya, UMS telah mendirikan sebuah sekolah yang dikenali sebagai SPL khusus untuk mendalami, menyebarluaskan dan memanfaatkan bidang pertanian dalam pelbagai bidang ilmu seperti sains pengeluaran tanaman, sains pengeluaran ternakan hingga ke aktiviti perniagaan serta pemasaran pertanian.

“Oleh itu, bersesuaian dengan hasrat kerajaan dalam membangunkan industri pertanian maka pihak UMS melalui SPL telah mengambil langkah awal khususnya di daerah Sandakan dengan menganjurkan Karnival Tani SPL.

“Karnival ini bertujuan

untuk mempromosikan produk pertanian di samping menggalakkan aktiviti perniagaan tani dalam pelbagai peringkat pemasaran. Ia juga merupakan satu ruang bagi pengusaha-pengusaha tani, penternak dan pengeluar hasil pertanian, agensi-agensi kerajaan untuk mempromosikan produk pertanian serta peralatan-peralatan moden pertanian kepada masyarakat setempat,” jelas beliau.

Pada majlis berkenaan, Ketua Menteri juga menyampaikan mok cek berjumlah RM85,000 kepada Dr Mohd Harun selaku Naib Canselor UMS itu.

Pada majlis itu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Syarikat TSH Resources Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut ditandatangani. Kerjasama ini tertumpu kepada pemberian biasiswa kepada pelajar Sekolah Pertanian Lestari (SPL), pembangunan model ladang kelapa sawit untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran serta perkongsian maklumat dan teknologi di antara kedua-dua belah pihak.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah wakil UMS manakala TH Resources Bhd diwakili oleh pengurus Datuk Dr. Kelvin Tan Aik Pen.